

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN TAGLINE

KEMPEN KESEDARAN COVID-19

LATAR BELAKANG

Malaysia hampir berjaya memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Perkembangan ini memberi harapan kepada Malaysia untuk mencapai status hijau dan tersenarai sebagai negara bebas COVID-19 dalam sedikit masa lagi. Sehubungan itu pelbagai plan pemulihan dan promosi dalam menjalani norma baharu giat dijalankan. Nasihat kerajaan supaya semua rakyat Malaysia mengambil langkah meningkatkan komitmen dalam aspek kawalan KENDIRI.

Justeru, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menganjurkan pertandingan mencipta Logo dan *Tagline* yang akan menjadi identiti simbolik Logo dan *Tagline* Kempen Kesedaran COVID-19 yang akan digunapakai dalam semua aktiviti promosi, pameran dan pencetakkan kempen ini.

PENGANJUR

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

OBJEKTIF PERTANDINGAN

- Mengajak masyarakat umum dalam menyemarakkan dan mengamalkan Kempen Kesedaran COVID-19.
- Peluang dan ruang bagi semua rakyat Malaysia di dalam dan di luar negara untuk sama-sama turut berkarya.

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

- Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas kecuali keluarga dan ahli jawatankuasa penjurian pertandingan.
- Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo dan *tagline* sahaja akan dipilih sebagai pemenang.
- Semua ciptaan mestilah asli dan tidak dceduk/ditiru/diciplak dari mana-mana logo dan *tagline* tempatan mahupun dari luar negara.
- Semua logo dan *tagline* yang diterima oleh urus setia pertandingan akan menjadi hak milik KKMM dan tidak akan dikembalikan.
- KKMM adalah berhak ke atas logo dan *tagline* yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi.
- Semua penyertaan perlu e-mel kepada: **logo.covid-19@kkmm.gov.my**

SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN TAGLINE

- Logo dan *tagline* mestilah baharu dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.
- Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- Reka bentuk hendaklah dihasilkan di dalam lingkungan petak bersaiz **A4 (ukuran 21cm x 29.7cm)** berwarna putih dalam komputer grafik dalam bentuk “softcopy” menggunakan format **PDF** atau **JPEG** dengan resolusi minimum **1280 x 960** atau menggunakan perisian yang bersesuaian.
- Pereka hendaklah memberi rasional ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- Reka cipta logo adalah bebas dan pilihan warna adalah tidak terhad.
- Konsep Kempen Kesedaran COVID-19 hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
- Ciptaan *tagline* tidak melebihi 20 huruf dan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

MAKLUMAN PENYERTAAN

Setiap peserta hendaklah mengisi maklumat yang lengkap dan jelas seperti berikut:

- Nama Penuh;
- Nombor Kad Pengenalan;
- Alamat Penuh;
- Nombor Telefon; dan
- Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *soft copy* melalui e-mel (dalam format PDF atau jpeg)
- Penyertaan dibuka mulai **1 Julai 2020 (Rabu)** hingga **10 Julai 2020 (Jumaat)** sebelum pukul 12:00 tengah malam.
- Sebarang penyertaan yang diterima selepas 10 Julai 2020 tidak akan dilayan oleh pihak urus setia.
- Untuk keterangan lanjut, sila layari seperti laman sesawang berikut:
 - www.kkmm.gov.my
 - www.penerangan.gov.my
- Pastikan tajuk e-mel tertulis **“Pertandingan Mencipta Logo dan Tagline Kempen Kesedaran COVID-19”**
- Segala kos penyertaan pertandingan atas tanggungan peserta.
- Logo dan *tagline* Kempen Kesedaran COVID-19 akan dilancarkan **sebelum akhir Julai 2020**.

METODOLOGI PENILAIAN

- Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima peserta yang menyertai pertandingan ini.
- Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap layout/design logo dan *tagline* yang dihantar kepada urus setia pertandingan.
- Panel penilai berhak memilih logo dan *tagline* terbaik untuk dinobatkan sebagai Logo dan *Tagline* Rasmi Kempen Kesedaran COVID-19.

PANEL PENILAI

- Penilaian akan dibuat oleh satu jawatankuasa penilai yang dibentuk berasingan.
- Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh panel penilai.
- Panel penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan.
- Panel penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo dan *tagline* yang disertai sekiranya perlu.

HADIAH PERTANDINGAN

- Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak urus setia melalui telefon, surat atau e-mel.
- Hadiah Pemenang:
 - Tempat Pertama = RM5,000;
 - Tempat Kedua = RM3,000 dan;
 - Tempat Ketiga = RM1,000.

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN TAGLINE KEMPEN KESEDARAN COVID-19

Butiran Peserta

a) Nama :

b) No. Kad Pengenalan :

c) Alamat :

.....

d) E-mel :

e) No. Telefon :

*Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut:

logocovid-19_01 (No. Bilangan Penyertaan)_(Nama Peserta).pdf “

PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas itu.

Tandatangan :

Tarikh :